

Algoritma TikTok dan Cabaran Akidah Digital: Analisis Pembimbingan Dakyah 'The Ahmadi Religion of Peace and Light' Menurut Perspektif ASWJ

TikTok Algorithm and Digital Creed Challenges: A Framing Analysis of 'The Ahmadi Religion of Peace and Light' Propagation from an ASWJ Perspective

Manar Muhammad^{1*}, Muhammad Zaki Sapuan², Nurul Hayati Zahid¹

¹ Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI), 80350 Johor Bahru, Johor, MALAYSIA

² Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding Author: manar@kuijsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2026.07.01.003>

Maklumat Artikel

Diserah: 1 Ogos 2025
 Diterima: 22 Mei 2026
 Diterbitkan: 30 Jun 2026

Kata Kunci

Algorithma conspiritualiti, algoritma TikTok, ajaran sesat, pembimbingan digital, Ahli Sunnah Wal Jamaah

Abstrak

Ajaran The Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL) merupakan sebuah gerakan baharu yang menyimpang daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Gerakan ini secara agresif mengeksploitasi landskap media siber, khususnya TikTok, bagi menyebarkan fahamannya melalui pendekatan komunikasi yang tersusun dan retorik berunsur keagamaan. Kajian ini bertujuan menganalisis kandungan video TikTok berkaitan AROPL dengan memberikan penekanan khusus kepada bagaimana ciri teknikal platform tersebut terutamanya fungsi algoritma cadangan mencipta fenomena algoritma yang mempunyai kuasa seperti 'ketuhanan' (*algorithmic conspiritualiti*). Fenomena siber ini dimanipulasi secara strategik untuk menyebarkan gabungan teologi sinkretisme dan teori konspirasi global. Menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif berteraskan Teori Pembimbingan Robert M. Entman (1993), kajian ini meneliti 50 rakaman video dan hantaran penstriman langsung (live) di TikTok untuk mengenal pasti empat komponen utama: definisi masalah, punca, penilaian moral, dan penyelesaian yang ditawarkan. Seterusnya, kandungan wacana digital tersebut dinilai secara kritikal berdasarkan kriteria penyelewengan akidah yang digariskan oleh JAKIM dan Majlis Fatwa. Dapatan kajian mendapati bahawa kesan tularan ghaib daripada *algorithmic conspiritualiti* di TikTok telah berjaya membingkai kandungan AROPL untuk menyusup masuk ke dalam ruang siber audiens muda secara automatik, sekaligus menimbulkan simpati, kekeliruan doktrin, dan penerimaan terhadap fahaman yang bertentangan dengan asas Islam. Antara bentuk manipulasi yang dikesan termasuklah dakwaan bahawa kitab *The Goal of The Wise* merupakan kesinambungan wahyu yang lebih tinggi daripada al-Quran, penafian syariat solat lima waktu, pengubahan kiblat ke Petra, serta tafsiran batil terhadap ayat al-Quran.

Kajian ini menyimpulkan bahawa kuasa algoritma platform media sosial yang digabungkan dengan naratif konspirasi kerohanian digital merupakan ancaman nyata dan sofistikated terhadap keselamatan akidah umat Islam di Malaysia. Integrasi antara teori pembingkaian siber dan kerangka penilaian Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kajian ini memberikan asas ilmiah yang kukuh untuk memahami serta membendung taktik penyelewengan akidah pascamoden dalam era kecerdasan digital.

Keywords

Algorithmic conspirituality, TikTok algorithm, deviant teachings, digital framing, Ahl Sunnah Wal Jamaah

Abstract

The Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL) is a new movement that deviates from the creed of Ahl Sunnah Wal Jamaah. This movement aggressively exploits the cyber media landscape, particularly TikTok, to propagate its ideology through a structured communication approach and religious rhetoric. This study aims to analyze TikTok video content related to AROPL by placing a specific emphasis on how the platform's technical architecture chiefly its recommendation algorithm fosters the phenomenon of "algorithmic conspirituality," where the algorithm appears to wield a "divine-like" power. This cyber phenomenon is strategically manipulated to disseminate a blend of syncretic theology and global conspiracy theories. Employing a qualitative content analysis method grounded in Robert M. Entman's (1993) Framing Theory, this study examines 50 TikTok videos and live streams to identify four core components: problem definition, causal interpretation, moral evaluation, and proposed treatment recommendations. Subsequently, the digital discourse is critically evaluated against the criteria for deviant teachings outlined by JAKIM and the National Fatwa Council. The findings reveal that the mystical viral effect of "algorithmic conspirituality" on TikTok successfully frames AROPL content to automatically penetrate the digital space of young audiences, thereby evoking sympathy, causing doctrinal confusion, and promoting the acceptance of beliefs that contradict mainstream Islamic creed. Among the identified manipulations are claims that the book "The Goal of The Wise" is a continuation of revelation superior to the Quran, the rejection of the five daily prayers, the alteration of the Qibla to Petra, and the distorted interpretation of Quranic verses. This study concludes that the power of platform algorithms combined with digital spiritual conspiracy narratives poses a real and sophisticated threat to the doctrinal security of Muslims in Malaysia. The integration of cyber framing theory and the Ahl Sunnah Wal Jamaah evaluative framework provides a robust scholarly basis for understanding and countering postmodern deviant teachings in the digital intelligence era.

1. Pengenalan


Kemunculan ajaran *The Ahmadi Religion of Peace and Light* (AROPL) telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Gerakan ini telah diasaskan oleh Abdullah Hashem, seorang pembuat dokumentari berketurunan Mesir (sebelah bapa) dan Amerika (sebelah ibu), yang mendakwa dirinya sebagai al-Qā'im al-Muḥammad (bangkit daripada keluarga Muhammad) dan dianggap sebagai 'Imam al-Mahdi' oleh para pengikutnya. Beliau turut digelar dengan nama 'Aba al-Sadiq'. Pengikut Ahmadi berpegang kepada ajaran dan naskhah rasmi yang diterbitkan oleh Abdullah Hashem dengan tajuk 'The Goal of The Wise dan The Mahdi's Manifesto'. AROPL telah memohon status badan amal di United Kingdom, bahkan mempunyai status badan amal berdaftar di Amerika Syarikat dan mempunyai ramai penyokong di seluruh dunia, yang diminta untuk berikrar taat setia kepada kumpulan itu melalui media sosial, (lihat Rajah 1) (McClenaghan 2025).



Rajah 1 Agama Ahmadi Religion of Peace and Light telah didaftarkan sebagai sebuah badan amal di Amerika Syarikat dan telah memohon status badan amal di United Kingdom

Ajaran baharu ini berakar daripada Syiah Imam Dua Belas, di mana mereka percaya bahawa Imam Kedua Belas, Muhammad ibn al-Hassan al-'Askari (lahir 868), telah 'hilang' semasa kecil dan akan muncul kembali di akhir zaman. Pada tahun 1999, di Iraq pasca- Saddam Hussein (1937–2006) yang bergolak, Ahmed al-Hassan, seorang jurutera awam kelahiran 1968 di Basra, mendakwa telah bertemu Imam Kedua Belas secara fizikal dan diamanahkan misi khas untuk mengisytiharkan dirinya sebagai Yamani yang dijanjikan serta mengajak orang ramai berbaiah kepada Imam al-Mahdi. Bagi pengikut al-Hassan, bukti utama bahawa beliau benar-benar menerima misi ini ialah ajaran-ajarannya serta namanya yang disebut dalam wasiat terakhir Nabi Muhammad, teks yang dinafikan kewujudannya oleh kebanyakan Sunni tetapi tercatat dalam beberapa sumber klasik Syiah. Wasiat itu, menurut AROPL, sahih dan penting. Sejak 2002, al-Hassan secara terbuka mengecam institusi ulama Syiah di Iran dan Iraq, termasuk tokoh besar seperti Ali Khamenei dan Ali al-Sistani, sebagai rosak moral dan politik. Beliau menyebut mereka sebagai 'ulama tidak beramal' yang menyesatkan umat. Akibatnya, al-Hassan dan pengikutnya ditindas hebat. Pada tahun 2015, ketika berusia 32 tahun, beliau mengisytiharkan bahawa Ahmed al-Hassan telah mengarahkannya untuk 'mengangkat Panji Hitam dari Timur' dan menyebarkan berita tentang kemunculan Imam Mahdi. Abdullah Hashem mendakwa dia lah al-Qā'im yang dijanjikan. AROPL juga percaya bahawa wasiat Nabi Muhammad menyebut nama 'Ahmed' dan 'Abdullah', merujuk kepada Ahmed al-Hassan dan Abdullah Hashem. Mereka mendakwa bahawa 99% ajaran semua agama termasuk Islam, adalah salah. Mereka turut mengangkat pemimpinnya sebagai Imam Mahdi dan meyakini bahawa kaabah sebenar dikatakan berada di Petra (Jordan), bukan lah di Mekah. Mereka juga beranggapan solat wajib 5 waktu tidak perlu dilaksanakan, Ramadhan jatuh pada bulan Disember, pemakaian tudung tidak wajib bagi wanita, alkohol boleh diminum secara bebas asalkan sederhana, golongan lesbian, gay, bisexual, transgender dan queer (LGBTQ) tidak patut dihakimi atau dianiaya dan semua Nabi pernah melakukan kesilapan. Gerakan AROPL diharamkan di banyak negara, namun mereka masih bertahan dan berkembang melalui media sosial, YouTube, televisyen satelit dan penggunaan teknologi moden (Introvigne dan Kotkowska 2024: 46).


Lebih membimbangkan, ajaran ini giat disebarkan melalui platform media sosial TikTok dengan pendekatan komunikasi yang mampu menarik perhatian pengguna muda melalui penggunaan visual yang menarik, audio latar yang mendayu, istilah Arab dan mesej yang kononnya bersifat pencerahan rohani. Platform TikTok sememangnya mempunyai capaian luas khususnya dalam kalangan generasi muda dan kini bukan sekadar hiburan malah berfungsi sebagai medium dakwah dan perkongsian maklumat agama (Muhammad Syahmi Fitri et al. 2023). Bilangan pengguna aktif yang lebih daripada satu bilion seluruh dunia menjadikan TikTok mempunyai pengaruh besar dalam wacana keagamaan masa kini, termasuk membuka ruang kepada idea-idea songsang. Sehingga hari ini, ajaran Ahmadi mempunyai 25,200 pengikut di YouTube, 11,000 pengikut di Facebook dan 8,518 pengikut di Instagram. Namun, kebimbangan timbul apabila mereka semakin popular melalui penstriman langsung di TikTok, (lihat Rajah 2 dan 3). Statistik menunjukkan akaun TikTok mereka meningkat mendadak dalam dua bulan sahaja, daripada 30,000 pengikut pada Mac 2024 kepada 65,100 pada Mei 2024. Selain itu, Aba al-Sadiq turut menganjurkan kelas dalam talian sejak 8 Julai 2023 melalui siri pencerahan The School of Divine Mysteries bagi pengikut yang ingin mendalami ajarannya. Beliau juga menulis kitab seperti The Goal of The Wise: The Gospel of The Riser of The Family of Muhammad dan Saying of Imam Ahmed al- Hassan yang boleh dimuat turun secara percuma dalam pelbagai bahasa atau dipesan dalam bentuk salinan keras, (lihat Rajah 4) (Nur Erina et al. 2024).



Rajah 2 Siaran langsung akaun the.goal_of_the.wise di TikTok dengan interaksi penonton



Rajah 3 Jadual siaran pembacaan GOTW dan sesi soal jawab di TikTok



Rajah 4 Kulit buku *The Goal of The Wise: The Gospel of the Riser of the Family of Mohammed*

Pihak berkuasa agama tempatan telah bertindak tegas, di mana Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) pada 2024 memutuskan bahawa ajaran AROPL sebagai sesat, menyeleweng dan bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang merupakan pegangan utama umat Islam di Malaysia. MKI juga menyeru semua pihak berkuasa agama negeri supaya mengambil tindakan bersesuaian untuk mengekang penyebaran ajaran ini, termasuk dari sudut penguatkuasaan undang-undang dan pendidikan akidah (MKI 2024). Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (JMWP) juga mengeluarkan artikel khas dengan tajuk '*Al Afkar Siri 146: Waspada Penyebaran Ajaran Sesat Baharu Agama Ahmadi*' yang menjelaskan penyelewengan akidah ajaran ini dan memberi amaran kepada umat Islam supaya berwaspada. Syiah Imam Dua Belas atau Syiah *Ithna 'Asyriyyah* merupakan mazhab Syiah terbesar dan menjadi mazhab rasmi Iran. Mereka memiliki akidah dan disiplin ilmu tersendiri, dengan kitab-kitab rujukan ulama mereka yang dianggap muktabar. Antara ajaran teras mazhab ini ialah konsep al-Imamah, iaitu kepercayaan bahawa pemimpin umat Islam mestilah terdiri daripada 12 imam maksum yang dilantik oleh Allah melalui nas Nabi SAW. Oleh itu, mereka menolak kesahihan pemerintahan *Khulafa' al-Rasyidin* dan pemerintah Islam selepasnya. Ajaran Ahmadi pula memiliki beberapa persamaan dengan Syiah *Ithna 'Asyriyyah*, meskipun tidak mengaku sebagai pecahan daripadanya. Antaranya ialah kepercayaan kepada konsep al-Imamah, di mana hanya imam yang dilantik oleh Allah melalui wasiat Nabi SAW boleh memimpin umat. Namun, 12 imam dalam ajaran Ahmadi bukanlah imam yang dipegang oleh Syiah, sebaliknya mereka dipercayai kemunculan 12 imam Mahdi selepas Imam Dua Belas Syiah. Kedua-dua ajaran ini juga menolak kesahihan pemerintahan Islam dan mendakwa bahawa ajaran Islam yang diamalkan kini telah diseleweng oleh pemerintah serta ulama yang menyokong mereka (Wan Ahmad Naqiuddin 2024). Melalui sebuah sidang media, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menegaskan kebimbangan bahawa ajaran ini boleh mempengaruhi golongan muda, dan pihak berkuasa sedang bekerjasama memantau penyebarannya. Walaupun fatwa sudah dikeluarkan, jurang ilmiah masih wujud dalam memahami bagaimana mesej AROPL dibentuk dan disebarkan di media sosial serta bagaimana ia mampu mempengaruhi pemikiran khalayak ramai.

2. Sorota Literatur

2.1 Kerangka ASWJ dan Bidang Kuasa Agama Islam di Malaysia

Literatur mengenai ajaran sesat di Malaysia menekankan beberapa kriteria utama yang digunakan pihak autoriti untuk mengenal pasti penyelewengan akidah. Menurut garis panduan JAKIM, sesuatu ajaran dianggap sesat jika ia memperkenalkan kepercayaan yang bertentangan dengan asas Islam yang sebenar iaitu al-Quran dan Hadis atau pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Antara ciri-ciri yang disenaraikan termasuklah mengubah rukun syahadah atau rukun iman, mendakwa wujud Nabi baharu atau Imam Mahdi baharu selepas Nabi Muhammad SAW, mentafsir nas agama secara batil mengikut hawa nafsu, menghalalkan perkara yang haram secara ijmak (sepakat ulama), serta memisahkan diri daripada jemaah umat Islam (Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2005). Ajaran yang mempunyai unsur sedemikian jelas menyeleweng dan boleh merosakkan akidah pengikut. Pihak berkuasa agama di Malaysia biasanya bertindak tegas terhadap kumpulan yang memenuhi

kriteria ini, melalui fatwa dan tindakan penguatkuasaan. Sebagai contoh, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan melaporkan bahawa ajaran The Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL) membawa 'banyak penyelewengan dan kesesatan' yang menggugat akidah, antaranya dakwaan pemimpin ajaran tersebut sebagai Imam Mahdi (Wan Ahmad 2024). Kenyataan ini menunjukkan autoriti agama mengklasifikasikan AROPL sebagai ajaran sesat yang perlu diawasi.

Kajian oleh Iffa Nabila dan Nur Zainatul Nadra (2024) mendapati bahawa ajaran sesat yang menyalahi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) mempunyai enam ciri utama iaitu mengakui adanya Nabi atau Rasul selepas Nabi Muhammad SAW yang menjejaskan kesempurnaan ajaran Islam, mengubah atau menafsirkan semula Rukun Iman dan Rukun Islam sehingga menggugat asas keimanan dan amalan, mengaku menerima wahyu atau ilham setaraf dengan al-Quran dan Hadis yang jelas menyelewengkan akidah, menolak atau mempertikaikan hadis sahih yang melemahkan asas syariat, mengamalkan ritual yang bercanggah dengan ajaran Islam yang merosakkan akidah dan ibadah, serta menolak ijma' ulama yang mengundang perpecahan umat dan kerosakan syariat. Kesemua ciri ini bukan sahaja merosakkan akidah, malah mengancam perpaduan umat Islam. Justeru pendidikan akidah yang sahih, bimbingan ulama dan penguatkuasaan undang-undang perlu diperkukuh bagi membendung penyebarannya.

Kajian Zanirah et al. (2021) pula menjelaskan bahawa ajaran sesat yang bercanggah dengan agama-agama yang diiktiraf, khususnya Islam, memberi kesan negatif terhadap keamanan dan keharmonian masyarakat. Aspek akidah dikenal pasti sebagai teras utama yang perlu dipelihara bagi memastikan kelestarian pegangan agama umat Islam. Analisis terhadap peruntukan undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia menunjukkan bahawa terdapat klausa khusus dalam Undang-undang Syariah dan undang-undang umum yang memperuntukkan hukuman terhadap pelaku ajaran sesat. Walau bagaimanapun, statistik kes menunjukkan peningkatan jumlah pelanggaran setiap tahun, menandakan bahawa mekanisme perundangan dan hukuman sedia ada masih belum cukup berkesan dalam membendung penularannya. Selain itu, kajian ini juga mendedahkan bahawa pengetahuan masyarakat tentang peruntukan undang-undang berkaitan ajaran sesat masih rendah, yang seterusnya menyumbang kepada kelemahan pencegahan. Metodologi kajian secara doktrinal melalui penyelidikan perpustakaan membuktikan bahawa keperluan untuk memperkukuh hukuman, memperluaskan bidang kuasa pihak berautoriti dan meningkatkan pendedahan awam adalah antara langkah penting bagi mengawal kes ajaran sesat di Malaysia.

Menurut kajian oleh Nurulain dan Siti Aisyah (2022), penguatkuasaan kesalahan jenayah Syariah berkaitan mengajar agama Islam tanpa tauliah di ruang siber menghadapi pelbagai kekangan. Berdasarkan analisis, Seksyen 11 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dilihat kurang menyeluruh untuk mendakwa kesalahan tersebut apabila ia dilakukan secara dalam talian. Selain itu, Pegawai Penguatkuasa Agama di Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan berhadapan dengan cabaran teknikal, bidang kuasa dan kekangan perundangan dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan terhadap pelaku di ruang siber. Data kajian yang diperolehi daripada kajian perpustakaan dan temubual menunjukkan bahawa kekangan ini menghalang keberkesanan tindakan undang-undang. Sehubungan itu, dapatan kajian menegaskan keperluan menambah baik undang-undang sedia ada agar lebih komprehensif dan mampu menangani kesalahan mengajar agama Islam tanpa tauliah di semua medium, sama ada secara fizikal mahupun di ruang siber bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan dan perlindungan akidah umat Islam.

Seterusnya, kajian Mohd Khairul Naim (2023) mendapati bahawa terdapat hubungan simbiotik yang ketara antara ajaran sesat dan teori konspirasi, di mana kedua-duanya berkongsi ciri-ciri yang sama, bersifat fleksibel dan saling menguatkan pengaruh antara satu sama lain. Media sosial dan internet dikenal pasti sebagai medium utama yang dieksploitasi secara meluas untuk menyebarkan ideologi ajaran sesat, manakala teori konspirasi digunakan sebagai alat strategik untuk meningkatkan daya tarikan, kredibiliti dan legitimasi ajaran tersebut. Teori konspirasi berperanan dalam memupuk perpaduan kumpulan, menjustifikasikan ajaran, menggerakkan sokongan, dan menangkis kritikan. Kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan teori konspirasi oleh ajaran sesat mendorong pembentukan identiti kumpulan yang kukuh, menarik lebih ramai pengikut, dan menyukarkan usaha pembanterasan. Selain itu, terdapat indikasi kemungkinan penglibatan pendokong ajaran sesat sebagai konspirator, berdasarkan penyebaran ajaran yang bersumberkan maklumat tidak jelas serta pergantungan tinggi terhadap teori konspirasi. Keadaan ini meningkatkan risiko salah faham dan perpecahan dalam masyarakat Islam. Dapatan ini menegaskan keperluan memahami secara mendalam hubungan simbiotik ini, di samping memperkukuh pendidikan agama yang berasaskan ilmu dan memanfaatkan media sosial secara strategik untuk mengekang pengaruh negatif serta melindungi masyarakat Islam daripada penyelewengan fahaman.

2.2 Tiktok sebagai Medium Penyebaran Ideologi Keagamaan dan Cabaran Akidah

Perkembangan media sosial telah mengubah landskap dakwah, dan platform TikTok muncul sebagai medium terbaharu yang mendapat perhatian para pendakwah. Beberapa kajian mendapati TikTok semakin diiktiraf sebagai ruang penting untuk ekspresi agama dan pendidikan terutamanya bagi generasi muda sebagaimana kajian oleh Nasution (2024) mendapati bahawa TikTok berkesan membantu proses berfikir dan memberi kesan

kepada perasaan, sekali gus meningkatkan kesedaran beragama dalam kalangan pengguna. Ini menunjukkan peranan penting TikTok dalam membentuk cara pendakwah muda menyampaikan mesej agama. Kajian ini juga mengenal pasti cabaran berkaitan nilai agama dan tanggungjawab yang dihadapi oleh pendakwah muda dalam dunia digital, serta memberikan gambaran tentang perubahan cara berdakwah dan kesannya kepada pendidikan Islam. Ahmad Arif dan Nur Zainatul Nadra (2024) menyebutkan platform media sosial seperti TikTok, YouTube, Instagram dan X (sebelum ini Twitter) telah mengubah sepenuhnya cara manusia berinteraksi, berkongsi kandungan dan berkomunikasi, dengan setiap platform mempunyai ciri tersendiri yang memenuhi pelbagai aspek komunikasi, hiburan dan penglibatan sosial antara platform tersebut. TikTok menonjol sebagai media yang popular dan tular di seluruh dunia, khususnya dalam kalangan generasi muda kerana menawarkan kemudahan penghasilan video pendek melalui peranti mudah alih yang menarik, mudah dibuat dan cepat mendapat perhatian pengguna.

TikTok memainkan peranan besar dalam mempopularkan amalan kerohanian (*spirituality*), seperti amalan *manifestation*. Kajian Reinis (2025) menjelaskan bagaimana ciri-ciri TikTok seperti algoritma cadangan, bentuk interaksi berulang dan kemudahan menghasilkan video pendek telah menyatu dengan cara pengguna mengekspresikan dan menyampaikan kepercayaan rohani mereka. Fenomena ini menimbulkan persepsi bahawa algoritma mempunyai kuasa seperti 'ketuhanan' (*algorithmic conspirituality*), sekaligus memudahkan kandungan kerohanian tersebar luas dan mendapat sambutan. Walaupun kelihatan bebas daripada kawalan institusi agama, bentuk kerohanian ini tetap berkait rapat dengan logik operasi dan kepentingan komersial platform. TikTok bukan sekadar saluran untuk menyampaikan idea rohani yang sedia ada, tetapi ciri-ciri platformnya seperti algoritma cadangan, gaya video pendek dan '*trend viral*' secara langsung mempengaruhi serta 'mencipta' bentuk baharu kerohanian digital. Hakikatnya, kandungan kerohanian di TikTok masih dipengaruhi oleh cara platform ini berfungsi dan matlamat perniagaannya, yang bertujuan memastikan pengguna kekal lama di aplikasi, di samping menjana keuntungan melalui pengiklanan, penjualan data dan pembelian dalam aplikasi.

Dunia digital mendedahkan orang kepada pelbagai pandangan dan ideologi yang kadang bercanggah, sehingga ada yang mula mempersoalkan kepercayaan atau amalan tradisi. Walaupun internet boleh menggugat komuniti agama, ia juga berpotensi menjadi ruang untuk membina hubungan baharu dan menyebarkan ajaran kepada lebih ramai orang. Ramai yang berkenalan secara dalam talian akhirnya membentuk komuniti sebenar, malah ada yang mula aktif dalam kegiatan agama dan menyebarkan ajaran ke kawasan masing-masing (Suba 2022). Dapatan kajian tentang dakwah di YouTube oleh Muhammad Anshar et al. (2024) pula menunjukkan beberapa persamaan penting. Walaupun platform yang dikaji ialah YouTube, prinsip yang ditemui seperti kepelbagaian tema kandungan, keperluan menyesuaikan mesej dengan platform digital dan penggunaan gaya interaktif juga terpakai pada TikTok. TikTok, dengan algoritma cadangannya yang lebih pantas dan tumpuan kepada video pendek, boleh memperluas penyebaran ideologi keagamaan sama ada yang selari atau bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Seperti YouTube, penerimaan audiens di TikTok juga mungkin terbahagi kepada penerimaan penuh, penerimaan bersyarat atau penolakan, bergantung pada tema, keperluan masyarakat dan gaya interaksi pendakwah. Bezanya, TikTok lebih terdedah kepada cabaran akidah kerana sifatnya yang pantas, *viral* dan mudah diakses oleh golongan muda, sekaligus memerlukan pendakwah memanfaatkan kelebihan platform ini secara bijak bagi mengekang penularan ideologi yang menyeleweng.

2.3 Analisis Kesan Pembingkai 'Mesej Keagamaan' di TikTok

Kajian Hollingshead (2025) mengenai protes *freedom convoy* di Kanada menunjukkan bagaimana teknik pembingkai dan budaya komunikasi unik TikTok (*platform vernacular*) mampu membentuk rasa kebersamaan dan menyebarkan ideologi melalui naratif yang disusun secara strategik. Mesej keagamaan turut boleh dibingkai untuk mengukuhkan identiti kumpulan sama ada selari atau bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Amalan komunikasi seperti penyiaran alternatif iaitu berkongsi maklumat sendiri terus kepada orang ramai tanpa melalui TV, radio atau surat khabar, membolehkan mesej disebarkan di luar kawalan media arus perdana, monolog digunakan untuk meyakinkan atau mempengaruhi penonton secara bersendirian dan *meme audio* digunakan untuk menegaskan sesuatu maksud, membangkitkan emosi atau mengaitkan kandungan dengan *trend* popular supaya lebih mudah menarik perhatian penonton. Budaya komunikasi TikTok yang dipacu oleh algoritma, format video pendek dan *trend viral*, turut mempengaruhi cara mesej keagamaan disampaikan, ditafsirkan dan disebarkan secara meluas sekaligus memberi kesan signifikan terhadap penerimaan khalayak serta pembentukan pandangan keagamaan mereka.

Tambahan lagi, kajian Wu, Jiayi et al. (2025) membuktikan bahawa video pendek yang dibingkai secara positif dan disampaikan oleh sumber yang dipercayai mampu meningkatkan keberkesanan mesej dan mendorong niat audiens untuk bertindak, dengan penglibatan emosi berperanan sebagai pengantara yang menguatkan kesan tersebut. Prinsip ini boleh diaplikasikan dalam mesej keagamaan di TikTok, di mana penggunaan bingkai positif, penyampai yang dipercayai dan format kreatif mampu menarik minat, membina penerimaan serta menggalakkan perubahan tingkah laku berlandaskan ajaran Islam sekaligus mengekang pengaruh ideologi yang menyeleweng.

Dapatan kajian Pippert et al. (2025) pula menunjukkan bahawa pencipta kandungan konspirasi di TikTok kebiasaannya memposisikan diri mereka dalam tiga cara utama iaitu dengan mengaitkan kepentingan peribadi terhadap sesuatu cerita atau dakwaan seolah-olah mereka sendiri terlibat, menonjolkan unsur keseronokan atau menunjukkan bukti seakan-akan mereka benar-benar membuat kajian tersebut. Mereka menggunakan strategi seperti mengaitkan mesej dengan pengalaman bersama, membina rasa komuniti serta membuatkan penonton merasa bahawa mereka adalah sebahagian daripadanya. Pendekatan ini berjaya mewujudkan suasana mesra dan inklusif yang menarik minat penonton, termasuk mereka yang skeptikal untuk menerima kerangka pemikiran pencipta. Sebahagian besar penonton tidak mempertikaikan dakwaan yang dikemukakan, sebaliknya menambah nilai dengan komen sokongan dan bukti tambahan. Maka, teori konspirasi sukar ditangani di platform yang bersifat santai dan digemari golongan muda seperti TikTok. Laman web pengguna media sosial yang paling popular seperti WhatsApp, Facebook, Twitter, Instagram, TikTok dan lain-lain menunjukkan bahawa interaksi telah dijalankan secara terbuka oleh individu, komuniti atau organisasi, khususnya dalam kalangan pelajar untuk berkomunikasi dan berhubung dengan orang lain (Deni et al. 2024).

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian dan Pendekatan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan bagi menilai strategi pembingkai (*framing*) dan kandungan penyebaran fahaman Ahmadi Religion of Peace and Light (AROPL) menerusi video di platform TikTok. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami secara mendalam strategi komunikasi yang digunakan oleh AROPL dalam mempengaruhi persepsi khalayak, selain menilai bentuk penyelewengan akidah berdasarkan prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Bagi mengukuhkan analisis, kajian ini berteraskan Teori Pembingkai yang dikemukakan oleh Robert M. Entman (1993). Menurut Entman, terdapat empat komponen utama dalam proses pembingkai mesej iaitu definisi masalah (*problem definition*), diagnosis punca (*causal interpretation*), penilaian moral (*moral evaluation*) dan cadangan penyelesaian (*treatment recommendation*). Di samping itu, penilaian kandungan video dari aspek akidah disandarkan kepada kriteria rasmi yang digariskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Fatwa Kebangsaan, khususnya berdasarkan kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah.

3.2 Sumber dan Pemilihan Data

Sumber data kajian terdiri daripada video TikTok yang secara terbuka mempromosikan fahaman AROPL. Sebanyak 50 rakaman video dan 'live' telah dikenal pasti berdasarkan kata kunci seperti Ahmadi Religion of Peace and Light, AROPL, Jihad cyber lawan Dajjal, Abdullah Hasyem serta nama-nama tokoh atau hashtag yang berkaitan dengan gerakan tersebut. Analisis ini meneliti bagaimana sesuatu isu didefinisikan, pihak yang dipersalahkan, penilaian moral yang diberikan dan cadangan penyelesaian yang ditawarkan dalam mesej video. Pemerhatian turut dilakukan terhadap pemilihan kata-kata, pengulangan ayat, penggunaan simbol atau imej visual tertentu, serta gaya penyampaian yang digunakan dalam video.

3.3 Kaedah dan Peringkat Analisis Data

Setiap unsur ini kemudiannya dibandingkan dengan prinsip akidah yang dipegang oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah. Hasil daripada proses ini membolehkan penyelewengan yang berlaku dikenal pasti secara terperinci, berasaskan hujah ilmiah dan disandarkan kepada autoriti agama yang sah.

4. Dapatan dan Perbincangan

Teori Pembingkai Robert M. Entman (1993) menyediakan empat komponen utama iaitu definisi masalah, tafsiran punca, penilaian moral dan cadangan penyelesaian. Analisis terhadap 50 video TikTok AROPL menunjukkan bahawa kesemua elemen ini hadir secara konsisten dalam naratif dakwah mereka. Strategi komunikasi yang digunakan bukan sahaja menyusun mesej dengan kemas, malah berfungsi untuk membina pemikiran alternatif yang dapat menggugat kefahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Definisi masalah yang diketengahkan oleh AROPL berteraskan dakwaan bahawa Islam yang diamalkan umat pada hari ini sudah rosak, tidak asli dan penuh dengan penipuan. Al-Quran dituduh tidak lengkap serta telah diseleweng, manakala teks sebenar kononnya hanya berada di sisi Ahlul Bait (Hasheem 2025a). Untuk menggantikan kedudukan al-Quran, Abdullah Hashem menulis kitab *The Goal of The Wise* yang dijadikan sebagai rujukan utama. Kitab ini bukan sahaja dianggap sebagai kitab pencerahan, malah diletakkan pada kedudukan lebih tinggi daripada al-Quran kerana diyakini sebagai kesinambungan wahyu yang sebenar (Ahmadi 2025a; Hasheem 2025b, 2025c). Malah, Abdullah Hashem turut mengajarkan supaya hidup dengan kesedaran tokoh-tokoh agama seperti Krishna, Jesus dan Muhammad, sekali gus menggabungkan unsur sinkretisme dalam

ajarannya (Hashem 2025a). Dalam masa yang sama, AROPL menolak syariat Islam sedia ada. Solat lima waktu digambarkan sebagai sesuatu yang boleh diubah kerana Imam Mahdi berhak meminda syariat terdahulu, bahkan Bulan Ramadhan pula dianggap berlaku pada bulan Disember, bukan bulan Hijrah. Pemakaian tudung tidak diwajibkan dan minuman beralkohol dibenarkan secara sederhana, manakala hubungan LGBTQ diterima tanpa sebarang penghakiman (Destination 2025a). Lebih jauh, mereka juga menyelewengkan makna al-Quran seperti mendakwa bumi adalah ciptaan Iblis, Qabil sebagai baka Iblis dan Habil sebagai baka Adam, berdasarkan tafsiran salah terhadap ayat al-Quran (Ahmadi 2025b). Bahkan ada video Abdullah Hashem yang mendakwa Siti Maryam berzina dengan Yusuf si tukang kayu, lalu menuduh Nabi Isa AS sebagai anak hasil hubungan tersebut (Hashem 2025b). Selain itu, Abdullah Hashem turut menyelewengkan ayat al-Quran dengan mendakwa Surah al-Jinn ayat 19 yang merujuk kepada gelaran 'Abdullah' bagi Nabi Muhammad SAW sebenarnya merujuk kepada dirinya sebagai Imam Mahdi (Hashem 2025c). Lebih jauh, AROPL menyelewengkan konsep ibadah dengan menuduh kebanyakan manusia hanya menyembah nama Tuhan, bukan Tuhan itu sendiri. Dikatakan bahawa manusia lain hanya menyembah institusi, doktrin, ideologi atau penceramah. Jika seseorang tidak mengenal Tuhannya, maka yang disembah hanyalah sekadar idea. Akhirnya, segala ibadah yang diamalkan tidak lebih daripada ritual kosong tanpa makna. Imam al-Sadiq mengatakan: *"Whoever worships the name without the meaning, he has disbelieved. Whoever worships the name and the meaning, he has associated. But whoever worships the meaning without the name, this is true monotheism"* (Al-Mahdi 2025). Doktrin akhirat juga ditokok tambah dengan konsep reinkarnasi, iaitu manusia akan dihidupkan semula berulang kali sehingga mereka menerima Imam pada zaman masing-masing. Bahkan, syarat utama untuk masuk ke syurga menurut mereka ialah dengan mempercayai kewujudan Imam di setiap zaman. (Hasheem 2025b; Hashem 2025d). Secara keseluruhannya, definisi masalah yang dibina oleh AROPL ialah agama Islam telah rosak, dan hanya ajaran mereka yang mampu mengembalikan agama kepada landasan yang dianggap benar.

Bagi tafsiran punca, AROPL menuding jari kepada beberapa kelompok utama. Pertama, para sahabat Nabi RA dijadikan sasaran dengan tuduhan sebagai pengkhianat agama. Video mereka menfitnah para sahabat dengan menggambarkan bahawa para sahabat yang menjadi punca berlakunya pemberontakan sehingga menyebabkan Fatimah al-Zahra gugur kandungan seorang anak yang diberi nama Muhsin. Mereka turut mendakwa para sahabat telah merantai dan menghalang Ali daripada menjadi khalifah, bahkan sampai menuduh sahabat sebagai pihak yang membunuh Fatimah dan Ali (Hashem 2025e). Malah, terdapat video lain yang mengaitkan orang Arab sebagai pembunuh keluarga Nabi termasuk Ali, al-Hasan dan al-Husin, selepas mengkritik orang Yahudi kerana membunuh Nabi Yahya, di mana secara ringkasnya memberi gambaran bahawa tiada sesiapa yang boleh diharapkan (Hashem 2025f). Malah, Umar al-Khattab dituduh sebagai seorang munafik yang merosakkan agama (Ilias 2025a). Lebih ekstrem lagi, ada dakwaan bahawa maqam Ali lebih tinggi daripada semua nabi, menjadikan beliau lebih layak menggantikan Nabi Muhammad SAW sebagai khalifah (Ilias 2025). Kedua, ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah juga diserang hebat. Imam al-Syafie dan para ustaz dianggap tidak layak kerana bukan lantikan Allah, manakala pengajian sifat 20 dikritik sebagai tidak menggambarkan hakikat sebenar sifat Allah (Ahmadi 2025c; Ilias 2025b). Mereka turut mengkritik ulama ASWJ kerana menolak kewujudan 12 Imam dan mendakwa kitab-kitab rujukan utama seperti Sahih Bukhari dan Muslim tidak lagi diperlukan kerana Imam Mahdi sudah muncul (Ilias 2025a). Hadis-hadis sahih yang menyebut Imam Mahdi bernama Muhammad bin Abdullah ditolak dengan tuduhan ulama sengaja mereka hadis tersebut untuk menyesatkan umat (Channel Sawtul Haq 2025). Malah, terdapat juga dakwaan yang lebih spesifik daripada pengikut AROPL yang mengingkari hadis Nabi SAW yang menyebut Imam Mahdi akan memiliki nama yang serupa dengan nama Baginda dan nama bapa Baginda (Muhammad bin Abdullah). Mereka menuduh para ulama kononnya cuba menakut-nakutkan orang ramai daripada mengikuti Abdullah Hashem (Channel Sawtul Haq 2025). Malah, AROPL mendakwa hadis-hadis tentang pelantikan Abdullah Hashem sebagai Mahdi sengaja disembunyikan oleh ulama dan menuduh ulama ASWJ berakidah sesat hingga akan merasakan bahang api neraka di dunia (Ahmadi 2025d; channel Sawtul Haq 2025b). Sebahagian pengikut juga memberikan definisi agama mengikut tafsiran peribadi, antaranya mendakwa agama itu berasal daripada Abdullah Hashem al-Sadiq sendiri (channel the.goal_of_the.wise 2025a). Ketiga, pemerintah Islam dan kerajaan moden dilabel sebagai pengecut, zalim serta pengikut Dajjal. Abdullah Hashem turut mendakwa bahawa pulau Dajjal terletak di United Kingdom, manakala Amerika Syarikat adalah kerajaan yang dibina oleh pengikut Dajjal. The Ahmadi telah menceritakannya dalam *The Arrival* dan akan mensyarahkan lagi dalam *The Arrival II* (Hashem 2025g). Demokrasi dianggap sebagai sistem syirik kerana memberi kuasa kepada manusia bukannya Allah (channel the.goal_of_the.wise 2025b). Malah, kerajaan Malaysia khususnya JAKIM dikecam kerana mengharamkan buku *The Goal of The Wise* dan tindakan itu disamakan dengan sikap Iblis yang ingkar (channel Sawtul Haq 2025a; Destination 2025b; Mahdi 2025a). Tindakan kerajaan Malaysia juga dihina sebagai pengecut dan tidak bijak kerana mengharamkan buku tersebut (channel Sawtul Haq 2025a). Seorang pengikut juga menyamakan tindakan pengharaman itu dengan perlakuan monyet, menunjukkan penghinaan keterlaluan terhadap pihak berautoriti (Mahdi 2025a). Keempat, AROPL menuduh dunia moden diperintah oleh konspirasi global ciptaan Iblis, (lihat Rajah 5). Mereka mendakwa bahawa Dajjal bukanlah makhluk seperti difahami dalam hadis, tetapi sistem penipuan global yang dikawal oleh elit dunia, Freemason dan Baphomet (Hashem 2025h, 2025i). Raja Jordan, King Abdullah bin Hussein, dituduh sebagai Sufyani iaitu musuh Imam Mahdi

(Hashem 2025j)). Malah, kematian Raja Abdullah dari Arab Saudi pada 2015 serta kematian Pope Francis ditafsirkan sebagai tanda-tanda kemunculan Imam Mahdi (Hashem 2025k; Mahdi 2025b, 2025c). Dengan ini, AROPL membingkai para sahabat, ulama ASWJ, pemerintah Islam, kerajaan moden dan sistem global sebagai punca kerosakan agama serta permasalahan dunia. Tambahan pula, Nizam Ilias (2025c) dalam beberapa video menolak konsep malaikat dalam ajaran Islam dan menggantikannya dengan kepercayaan bahawa Allah mencipta sistem karma.




Rajah 5 Kumpulan AROPL, yang dipimpin oleh Abdullah Hashem (gambar di atas), menggabungkan teologi Islam dengan teori konspirasi

Berdasarkan aspek penilaian moral, AROPL menampilkan Imam Ahmad al-Hassan adalah wakil Imam Mahdi, sebelum disusuli Mahdi kedua iaitu Abu al-Sadiq Abdullah Hashem (Ahmadi 2025e; channel the.goal_of_the.wise 2025c). Mereka mendakwa namanya tercatat dalam wasiat Nabi Muhammad SAW, justeru beliau dijadikan hujah utama kebenaran, (lihat Rajah 6) (Ahmadi 2025a; channel Sawtul Haq 2025b). Dakwaan ini disokong pula dengan naratif bahawa Abu Hasan al-Askari kononnya menyimpan tabut sakinah, cincin Nabi Sulaiman dan tongkat Nabi Musa, yang menjadi bukti keistimewaan Ahlul Bait (Ahmadi 2025d). Pengikutnya pula menegaskan bahawa sesiapa yang tidak membaiah Abdullah Hashem akan mati dalam keadaan jahiliah tanpa hujah di hadapan Allah (Mahdi 2025d). Justifikasi tambahan diberikan bahawa Abdullah Hashem adalah 'Al-Hujah' kerana beliau masih hidup walaupun telah mengaku sebagai Imam Mahdi, maka itu dianggap bukti kebenaran dirinya (Live host TikTok GOTW Indo 2025a). Tuduhan bahawa Abdullah Hashem seorang yang berkhayal atau megalomania dijawab dengan perbandingan bahawa nabi-nabi terdahulu juga pernah dituduh gila, maka cercaan itu dianggap lumrah terhadap seorang yang benar (Hashem 2025l). Malah, ada pengikut yang mendakwa mereka mencintai Abdullah Hashem melebihi ibu bapa sendiri (Hashem 2025q). Dari sudut sosial dan politik, AROPL menampilkan diri mereka sebagai pejuang kebenaran yang menentang sistem palsu dunia moden. Kapitalisme dan demokrasi dinilai sebagai bentuk syirik moden, sementara dunia dikatakan diperintah oleh sistem kuasa palsu ciptaan Iblis. Antaranya, mereka mendakwa Statue of Liberty di New York merupakan simbolik kepada *Lucifer* iaitu Iblis (channel the.goal_of_the.wise 2025b; Hashem 2025m, 2025i). Abdullah Hashem juga digambarkan sebagai tokoh universal yang akan memimpin bukan sahaja orang Islam, tetapi juga Kristian, Yahudi, Buddha dan bahkan ateis dengan rahmatnya (Ahmadi 2025f). Mereka turut menyasarkan keluarga dan kanak-kanak melalui bahan sokongan komuniti, (lihat Rajah 7). Tambahan pula, AROPL mendakwa umat Islam sendiri pada akhirnya akan ramai yang menentang Imam Mahdi, menjadikan perjuangan mereka semakin asing (Mahdi 2025e). Malah, ada dakwaan beliau adalah Mahdi Kedua, Pope baharu selepas Francis, serta dilantik langsung oleh Tuhan (Mahdi 2025c). Mereka juga menolak tuduhan bahawa Abdullah Hashem adalah Dajjal, dengan alasan bahawa beliau menentang kapitalisme dan kononnya menjadi pewaris Imam Mahdi (Mahdi 2025f). Secara moral, mereka membina justifikasi tauhid versi baharu iaitu menyembah 'makna' Tuhan tanpa terikat dengan nama, dengan menuduh umat Islam lain hanya menyembah nama atau idea (Al-Mahdi 2025). Hadis-hadis yang menggambarkan Nabi Isa AS akan membunuh babi dan memerangi Yahudi di akhir zaman ditolak kerana dianggap menggambarkan Tuhan sebagai zalim (Ahmadi 2025f). Selain itu, penolakan sifat ummiyyah Nabi Muhammad SAW turut diangkat sebagai hujah bahawa baginda boleh membaca dan menulis, berdasarkan tafsiran salah terhadap terjemahan ayat al-Quran (Hashem 2025r; Live host TikTok GOTW Indo 2025b). Penilaian moral yang

dibina oleh AROPL menegaskan bahawa Abdullah Hashem adalah Imam Mahdi sebenar, sesiapa yang menolak beliau dianggap kufur, manakala menolak sistem dunia moden dikira sebagai jihad melawan Dajjal.



Rajah 6 Video dakwaan “Nabi meninggalkan wasiat” yang dijadikan hujah penerimaan dan pengiktirafan AROPL



Rajah 7 Menggunakan bahan sokongan komuniti seperti buku mewarna yang menyasar keluarga dan kanak-kanak

Akhir sekali, cadangan penyelesaian yang ditawarkan oleh AROPL berbentuk solusi yang menyeleweng daripada ajaran Islam. Mereka menyeru pengikut untuk berbai’ah kepada Abdullah Hashem sebagai Imam Mahdi dengan lafaz bai’ah yang mengandungi sumpah setia kepada Imam Ali, anak-anaknya, Imam Mahdi dan para Mahdi selepasnya. Bahkan, sesiapa yang tidak membai’ah Abdullah Hashem akan mati dalam keadaan jahiliah dan tidak mempunyai hujah di hadapan Allah SWT. Bai’ah ajaran The Ahmadi berbunyi: “I bear witness that there is no God but Allah, and I bear witness that Muhammad is His servant and His messenger. I bear witness and pledge allegiance to Imam Ali ibn Abi Talib and the Imams from his sons, who are the proofs of Allah. I bear witness that the Mahdi and the Mahdis is the proof of Allah. Upon this I shall live, upon this I shall die, and upon this I shall be resurrected. I declare myself innocent of any other foreign prince, king, ruler, system, false constitution, law, or anything that did not come from Allah” (channel the.goal_of_the.wise 2025b; Hashem 2025n, 2025o; Mahdi 2025d). Mereka juga menggantikan sumber rujukan agama dengan kitab The Goal of The Wise yang didakwa sebagai kesinambungan al-Quran (Hasheem 2025b, 2025c). Syariat Islam sedia ada ditolak, termasuk solat lima waktu, puasa Ramadhan menurut kalender Hijrah, kewajipan tudung dan larangan alkohol. Arah kiblat juga

diubah ke Petra, Jordan, dengan dakwaan bahawa Kaabah dan telaga Zamzam sebenar terletak di sana (channel the.goal_of_the.wise 202AD, 2025d) Selain itu, mereka menyeru pengikut untuk menyertai komuniti global AROPL melalui kelas dalam talian, penstriman langsung (Live) dan pembacaan kitab mereka di TikTok (Hasheem 2025c). Mereka turut menerima pluralisme agama dengan mendakwa tokoh seperti Buddha, Aristotle dan Bal'am bin Baura adalah nabi, serta menegaskan bahawa semua agama hanyalah pecahan daripada ajaran kenabian (Hashem 2025,l). Cadangan-cadangan ini bukan sahaja menolak autoriti agama yang sah, tetapi juga menggantikan asas Islam dengan ajaran baharu, serta mengikat kesetiaan mutlak kepada Abdullah Hashem sebagai pemimpin mereka.

5. Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa ajaran *The Ahmadi Religion of Peace and Light* (AROPL) menggunakan strategi komunikasi yang terancang dalam menyebarkan fahaman mereka melalui TikTok. Analisis berdasarkan Teori Pembungkahan Entman (1993) menunjukkan bahawa mesej mereka dibina dengan mendefinisikan agama Islam sebagai rosak, menuding punca kepada sahabat, ulama, pemerintah dan sistem dunia moden, membina penilaian moral dengan mengangkat Abdullah Hashem sebagai Imam Mahdi, serta menawarkan 'penyelesaian' menyeleweng seperti bai'ah, kitab baharu, penolakan syariat, perubahan kiblat dan penerimaan pluralisme agama. Bingkai mesej ini dirancang untuk menimbulkan simpati, membina identiti eksklusif, melemahkan autoriti agama yang sah, dan mengikat kesetiaan mutlak kepada pemimpin mereka.

Melalui penilaian kandungan berdasarkan kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah, jelas bahawa ajaran AROPL memenuhi ciri-ciri penyelewengan yang digariskan oleh JAKIM dan Majlis Fatwa Kebangsaan, antaranya dakwaan Imam Mahdi baharu, penolakan hadis sahih, pengubahan syariat dan dakwaan wahyu tambahan. Oleh itu, fahaman ini bukan sahaja menyimpang daripada asas akidah Islam, malah berpotensi merosakkan pegangan umat jika tidak ditangani secara serius. Kajian ini juga menegaskan bahawa TikTok sebagai medium dakwah digital mempunyai potensi besar, namun pada masa yang sama membuka ruang kepada penularan ajaran sesat. Ciri algoritma, gaya video pendek, dan sifat *viral* platform ini memberi kelebihan kepada AROPL untuk menyebarkan mesej secara pantas dan menarik perhatian golongan muda. Hal ini menuntut pendekatan dakwah digital yang lebih strategik, kreatif dan bersepadu bagi menyaingi pengaruh ajaran menyeleweng di ruang siber.

Kesimpulannya, penyebaran ajaran AROPL di TikTok merupakan satu ancaman nyata terhadap keselamatan akidah umat Islam di Malaysia. Kajian ini menyumbang dari segi teoritikal dengan menggabungkan kerangka pembungkahan dan penilaian Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk memahami fenomena penyebaran ajaran sesat dalam era digital. Dari segi praktikal, hasil kajian ini memberi implikasi kepada pihak berkuasa agama, pendakwah dan institusi pendidikan Islam supaya memperkukuh pemantauan, penguatkuasaan, serta membangunkan strategi dakwah digital yang lebih efektif dalam mendepani cabaran baharu penyelewengan akidah di media sosial.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Penyataan Penggunaan AI dalam Penyediaan Manuskrip

Penulis menggunakan ChatGPT untuk membantu dalam menterjemah abstrak ke dalam bahasa Inggeris. Semua kandungan yang dijana telah disemak dan disahkan oleh pengarang, yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk penyerahan akhir.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **Penulisan artikel**, Manar Muhammad, Muhammad Zaki Sapuan, Nurul Hayati Zahid. **Semakan dan edit**, Manar Muhammad, Muhammad Zaki Sapuan, Nurul Hayati Zahid. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip

Rujukan

Ahmad Arif Shaharizan dan Nur Zainatul Nadra Zainol. 2024. Analisis Penggunaan Platform Sosial Media Bagi Penyebaran Ilmu Islam: Kajian Kes. *Journal of Quranic Sciences and Research* 5(2): 38–46.

Ahmadi, Nizam Ilias. 2025a. Buku GOTW adalah kesinambungan Kitabullah. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpLykjr/>.

Ahmadi, Nizam Ilias. 2025b. Buku GOTW: Iblis berkongsi keturunan dengan Adam & Hawa. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpFuGf/>.

Ahmadi, Nizam Ilias. 2025c. Tuhan dalam Penciptaan. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpLYbt2/>.

- Ahmadi, Nizam Ilias. 2025d. Catatan Wasiat Rasulullah SAW. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSprsMjs/>.
- Ahmadi, Nizam Ilias. 2025e. Penghulu Orang Beriman - Imam Ali Abi Talib. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSp833a7/>.
- Ahmadi, Nizam Ilias. 2025f. Ahlul Bait Yang Sebenarnya. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpNrAEo/>.
- Al-Mahdi, Sayha Aal. 2025. Understanding True Worship of God with Sister Sayha Aal Al-Mahdi. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSxtUgFF/>.
- Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2005. Penjelasan Terhadap 58 Ciri Ajaran Sesat di Malaysia. *SCRIBD*.
- Channel Sawtul Haq. 2025a. Hak Asasi Membaca - Kebebasan Ilmu. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgwAYHV/>.
- Channel Sawtul Haq. 2025b. Ajak Percaya kepada Abdullah Hashem - Wasiat Nabi. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgwgny/>.
- Channel Sawtul Haq. 2025. Justifikasi bahawa Imam Mahdi Tak Semestinya 'Muhammad bin Abdullah'. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgwWUV8/>.
- Channel the.goal_of_the.wise. 202AD. Menyangkal Kaabah Sebagai Kiblat. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgTHW9S/>.
- Channel the.goal_of_the.wise. 2025a. Apa Itu Agama? *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgWG6Tg/>.
- Channel the.goal_of_the.wise. 2025b. Menolak sistem Demokrasi - Perjanjian Ketujuh. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgg8Kb1/>.
- Channel the.goal_of_the.wise. 2025c. Iblis Cipta Sistem Kuasa dan Ketuhanan Palsu Dunia Moden & Imam Ahmad Al-Hassan jadi Wakil al-Mahdi. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgs9pCJ/>.
- Channel the.goal_of_the.wise. 2025d. Pembuktian Kaabah dan telaga zamzam Tidak Berada di Arab Saudi. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgbJ8f8/>.
- Deni Suryanto, Ahmad Rozai'e Akbar, Dawami, Izzah Nur Aida Zur Raffar dan Salasiah Hanin Hamjah. 2024. The Utilization of Social Media in Improving Adolescent Social Interaction with Parents. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 40(1): 395–407.
- Destination, T T One Way. 2025a. Solat 5 Waktu dalam AROPL. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpB91eS/>.
- Destination, T T One Way. 2025b. Analogi Menolak Wasiat Nabi. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpSUXAh/>.
- Entman, R.M. 1993. Framing: Toward Clarification of a Fractured Paradigm. *Journal of Communication* 43(4): 51–58.
- Hasheem, Kenneth. 2025a. Sobre la Corrupción del Corán en 'Door 29'. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSxtrjMR/>.
- Hasheem, Kenneth. 2025b. Doors 20 and 21, covering Heaven and Hell. And the Source of all evil. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSNc9kRE/>.
- Hasheem, Kenneth. 2025c. Official Stream Schedule. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSxtNp7J/>.
- Hashem, Abdullah. 2025a. bring back justice 313. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSNcWxhd/>.
- Hashem, Abdullah. 2025b. Bapa Kandung Jesus. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpSt8pL/>.
- Hashem, Abdullah. 2025c. Dakwaan Nama Al Mahdi dalam al-Quran. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpDxLCb/>.
- Hashem, Abdullah. 2025d. Syarat Masuk Syurga Kena Percaya Adanya Imam Pada Setiap Zaman & Reinkarnasi Kurniaan Tuhan untuk Menuju Kebenaran. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgpaQLn/>.

- Hashem, Abdullah. 2025e. Fatimah Azzahra keguguran & Imam Ali Abi Talib disingkirkan. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgsWKKe/>.
- Hashem, Abdullah. 2025f. Kisah Nabi Ibrahim, Ismail dan Ishak. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSxtkq4U/>.
- Hashem, Abdullah. 2025g. UK Pulau Dajjal. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSxtrLvf/>.
- Hashem, Abdullah. 2025h. Kitab The Goal of Wise - Dajjal & Baphomet. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgsPg5A/>.
- Hashem, Abdullah. 2025i. World Media Secret Symbols/Masonic. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpBMhsB/>.
- Hashem, Abdullah. 2025j. As Sufiani di Akhir Zaman. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSggTEK6/>.
- Hashem, Abdullah. 2025k. The fulfillment of The Prophecy of The Appearance of The Mahdi - Part 1. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSNcmeH1/>.
- Hashem, Abdullah. 2025l. Aba alsadiq (The father of Truth) FHIP. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSNc7Veo/>.
- Hashem, Abdullah. 2025m. Capitalism. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSxtyGkv/>.
- Hashem, Abdullah. 2025n. Pledge of Allegiance to Imam Mahdi and Allah. Baiah. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSNcWUk1/>.
- Hashem, Abdullah. 2025o. Melarang Mengundi dan Tolak Khulafa' Ar Rasyidin. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSg71Wun/>.
- Hashem, Abdullah. 2025p. Campur-aduk Agama. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpNDxC1/>.
- Hashem, Sana. 2025q. Mengaku Aba al Sadiq Itu Wakil al-Mahdi. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpRaL6Y/>.
- Hashem, Wau. 2025r. Pendapat Nabi Boleh Baca dan Tulis. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpRAgUK/>.
- Hollingshead, William. 2025. TikTok's Platform Vernacular and Framing Collective Identity (Freedom Convoy). *Mobilization An International Quarterly* 30(1): 33–50.
- Iffa Nabila Mohamad Kharithah dan Nur Zainatul Nadra Zainol. 2024. Ajaran Sesat Si Hulk: Ancaman kepada Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia. *Journal of Quranic Sciences and Research* 5(2): 27–37.
- Ilias, Nizam. t.th. Mengatakan Maqam Imam Ali Lebih Tinggi daripada Semua Nabi - Aba Al Sadiq membuka ilmu roh. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgqeAfY/>.
- Ilias, Nizam. 2025a. 12 Imam & 12 Mahdi adalah Lantikan Nabi SAW. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgsdKuf/>.
- Ilias, Nizam. 2025b. Mendakwa Allah Lantik Ikut Wasiat Nabi SAW. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgTYfSL/>.
- Ilias, Nizam. 2025c. Mengatakan Allah Cipta Sistem Karma. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgbcguQ/>.
- Introvine, Massimo dan Karolina Maria Kotkowska. 2024. The Ahmadi Religion of Peace and Light: An Introduction. *The Journal of CESNUR* 8(3): 33–51.
- Live host TikTok GOTW Indo. 2025a. Justifikasi Abdullah Hashem ialah 'al-Hujah'. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpN6oys/>.
- Live host TikTok GOTW Indo. 2025b. Mendakwa Ulama' Nafikan Nabi Muhammad SAW boleh baca dan tulis. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpRfQfQ/>.
- Mahdi, Kashfullah Aal. 2025a. Bantah Pengharaman Buku GOTW di Malaysia. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSp8n9Xo/>.
- Mahdi, Kashfullah Aal. 2025b. Tanda Kiamat - Kerabat Saudi. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSp1S124/>.
- Mahdi, Kashfullah Aal. 2025c. Kematian Pope Francis - Panji Hitam dari Timur. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpkaRBK/>.

- Mahdi, Kashfullah Aal. 2025d. Ajak Bai'at Imam pada Zaman Sekarang. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSgKchD5/>.
- Mahdi, Kashfullah Aal. 2025e. Islam Akan Kembali Asing. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSphTveS/>.
- Mahdi, Kashfullah Aal. 2025f. Menafikan Abdullah Hashem itu Dajjal. *Tiktok*. <https://vt.tiktok.com/ZSSpkUfpL/>.
- McClenaghan, Maeve dan David Pegg. 2025. Dad, Imam, God: Children Living with Self-Declared Pope in Former UK Orphanage. *The Guardian*. https://www.theguardian.com/world/2025/jul/01/children-living-former-uk-orphanage-ahmadi-religion-peace-light?utm_source
- MKI. 2024. MKI Declares Teachings of 'The Ahmadi Religion Peace and Light' as Deviant. *BARNAMA.com*. <https://bernama.com/en/news.php?id=2378390#:~:text=MKI Declares Teachings Of%27The,of Islam and Syariah law>.
- Mohd Khairul Naim bin Che Nordin. 2023. Symbiotic Relationship between Deviant Religious Teachings and Conspiracy Theories: Characteristics, Adaptability, and Impact on The Muslim Community. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 10(2): 89–110.
- Muhammad Anshar, Asni Djamereng dan Muh. Ilham. 2024. Content Analysis and Audience Receptions of Online Da'wah on YouTube Social Media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 40(1): 173–187.
- Muhammad Syahmi Fitri Abdul Wahid, Abdul Rauf Ridzuan, Nur Lisa Ridzuan, Nurul Atiqah Nasrin, Intan Nur Amira Abdul Wahab, Y.D. dan N.D. 2023. The Acceptance of Tiktok As a Da'wah and Learning Platform. *I-IECONS e-proceedings*, hlm. 407–415. <http://iecons.usim.edu.my.>
- Nasution, Nadya Amalia. 2024. Da'wah bil Social Media: A Phenomenological Study of iGeneration TikTok Platform Users. *Journal of Public Relations and Digital Communication (JPRDC)* 2(2): 77–88.
- Nur Erina Zakfar, Fatimah Faqihah Khazri, Aisyah Liyana Mohd Zamri, Fatimah Nabihah Mohd Khalid dan Nur Alya Munirah Kamaludin. 2024. *Waspada Kemunculan Ajaran Sesat Baharu di Malaysia: 'Ahmadi Agama Keamanan dan Cahaya'*. Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam.
- Nurulain Ibrahim dan Siti Aisyah Samudin. 2022. Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang bagi Kesalahan Jenayah Syariah Mengajar Agama Tanpa Tauliah di Alam Siber: Kajian di Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Journal of Shariah Law Research* 7(2).
- Pippert, Courtlyn, Katherine Furl & Alice Marwick. 2025. True believers, entertainers, and skeptical scholars: claims and frames on conspiracy TikTok. *Journal of Information Technology & Politics*: 1–16.
- Reinis, Sara. 2025. 'TikTok is One Long Conversation with The Universe': How Platform Affordances Shape Emerging Spirituality Across TikTok Manifestation Content. *International Journal of Communication* 19: 1750–1767.
- Suba, Silma. 2022. FaithTok: How Religion and Spirituality are Evolving in the Age of TikTok. *Interfaith America*. <https://www.interfaithamerica.org/article/faithtok-how-religion-and-spirituality-are-evolving-in-the-age-of-tiktok/>
- Usman, Amirsyah & Haidir Fitra Siagian. 2024. University Students' Engagement with Ulamas' Political Messages on Social Media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 40(2): 310–327.
- Wan Ahmad Naquiuddin. 2024. Al Afkar Siri 146: Waspada Penyebaran Ajaran Sesat Baharu Agama Ahmadi. *Al-Afkar*. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-afkar/5857-al-afkar-146-waspada-penyebaran-ajaran-sesat-baharu-agama-ahmadi#:~:text=Dalam sidang media%2C Menteri di,Ajaran Sesat Baharu Agama Ahmadi>.
- Wu, Jiaxi, Jessica L. Fetterman, Jennifer Cornacchione Ross & Traci Hong. 2025. Effects of Message Frames and Sources in TikTok Videos for Youth Vaping Cessation: Emotions and Perceived Message Effectiveness as Mediating Mechanisms. *Journal of Adolescent Health* 76(1): 122–130.
- Zanirah Mustafa @ Busu, Intan Nurul 'Ain Mohd Firdaus Kozako, Abdul Majid Tahir Mohamed, Noraini Junoh, Nor Asmira Jusoh, Mohd Nazri Mat Zin. 2021. Statutory Provisions of Malaysian Law to Subdue Deviant Teachings in The Religion of Islam and Its Implication. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 29(Special Issue 2): 89–104.